ROBERTS alias KAMARULZAMAN lwn. UMI KALTHOM*

[Mahkamah Tinggi (Raja Azlan Shah H.) November 19 dan 29, 1965]

[Kuala Lumpur — Guaman Sivil Bil 760 Tahun 1964]

Undang-undang Islam — Harta sepencarian — Pembahagian harta semasa bercerai — Harta didaftarkan atas nama isteri — Sama ada ia merupakan pemberian/hadiah.

Adat Melayu — Harta sepencarian — Anggapan — Pembahagian harta semasa bercerai.

Soal untuk penentuan di dalam kes ini ialah sama ada seseorang suami Islam yang bercerai boleh menuntut setengah bahagian sebagai harta sepencarian ke atas harta takalih yang diperolehi bersama oleh kedua-dua teman hidup itu dalam tempoh mereka berkahwin tetapi telah didaftarkan atas nama isteri.

Pihak menuntut, yang telah menceraikan pihak kenatuntut, telah menuntut setengah bahagian sebuah rumah di Setapak, Kuala Lumpur, yang telah dibeli pada masa mereka berkahwin dengan harga $50,000, yang daripadanya pihak menuntut telah mengeluarkan $40,000 sementara pihak kenatuntut mengeluarkan $10,000. Harta itu telah didaftarkan atas nama pihak kenatuntut. Pihak kenatuntut menghujjahkan bahawa pihak menuntut telah memberikan harta itu kepadanya sebagai hadiah.

Diputuskan: (1) harta itu diperolehi melalui usaha bersama kedua-dua pihak dan oleh itu ini adalah *harta sepencarian* dan atas keterangan di dalam kes ini pihak kenatuntut telah gagal mempastikan dengan jelas bahawa pihak menuntut berniat menjadikan harta itu hadiah dan memberikannya kepadanya;

(2) seseorang suami Islam yang bercerai boleh menuntut setengah bahagian sebagai *harta sepencarian* atas harta takalih yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa mereka hidup bersama dan fakta bahawa tanah itu telah didaftarkan atas nama isteri tidaklah merupakan halangan kepada tuntutannya kerana peruntukan Kanun Tanah berhubung dengan tidak boleh disangkal hakmilik di atas tanah yang telah didaftarkan tidaklah mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan *harta sepencarian;*

(3) dalam kes ini pihak menuntut berhak mendapat satu bahagian di dalam harta itu dan mahkamah adalah bersedia memberikan bahagian yang sama kepada setiap pihak sekiranya mereka bersetuju.

Kes-kes rujukan:-

(1) *Hujah Lijah binti Jamal* v. *Fatimah binti Mat Diah* [1950] M.L.J. 63.

(2) *Teh Rasim* v. *Neman* (Mahkamah Tinggi Perak Tuntutan No. 232 Tahun 1919) (1937), 15/1 J.M.B. R.A.S. 18.

(3) *Wan Mahatan* v. *Haji Abdul Samat* (Rayuan Sivil Ipoh No. 27 Tahun 1925) (1937) 15/1 J.M.B.R.A.S. 25.

(4) *Re Elang, Re Kulop Degor; Lebar* v. *Niat* (1937), 15/1 J.M.B.R.A.S. 48.

(5) *Wan Nab* v. *Jasin* (Rayuan Sivil Kedah No. 37 Tahun 1922) (1937), 15/1 J.M.B.R.A.S. 20.

(6) *Habsah binti Mat* v. *Abdullah bin Jusoh* [1950] M.L.J. 60.

(7) *Laton* v. *Ramah* (1927), 6 F.M.S.L.R. 116, 128; 15/1 J.M.B.R.A.S. 35.

(8) *Re Noorijah* (Rayuan Sivil Selangor No. 44 Tahun 1934) (1937), 15/1 J.M.B.R.A.S. 59.

TUNTUTAN SIVIL.

M.S. Naidu bagi pihak menuntut.

Kamarul Ariffin bagi pihak kenatuntut.

Raja Azlan Shah H.: Soal untuk keputusan dan penentuan di dalam kes ini boleh dengan ringkasnya dirumuskan seperti berikut. Adakah seseorang suami Islam yang telah bercerai boleh menuntut hingga setengah bahagian sebagai *harta sepencarian* atas harta takalih yang diperoleh kedua-dua teman hidup itu dalam tempoh mereka berkahwin tetapi yang didaftarkan atas nama isteri.

Pendapat undang-undang yang paling baru atas *harta sepencarian* telah dipertimbangkan secara kehakiman oleh Hakim Briggs dalam tahun 1950 dalam kes *Hujah Lijah binti Jamal* v. *Fatimah binti Mat Diah.*[1] Beliau mentakrifkannya sebagai "harta yang diperoleh dalam masa mereka hidup berkahwin sebagai suami isteri, hasil daripada daya mereka atau melalui usaha mereka bersama". Setelah menyatakan bahawa "Atas pertimbangan sepenuhnya mengenai kes-kes itu dan juga mengenai pandangan-pandangan pengarang yang ariff dalam suatu buku bernilai yang dibuat oleh *Taylor* mengenai "Malay Family Law" yang dicetak dalam Bahagian I Jilid XV J.M.B.R.A.S. (Mei 1937) Hakim perbicaraan itu berkata pada muka surat 64:

"... Saya fikir tidak terdapat syak bahawa peraturan-peraturan yang menentukan *harta sepencarian* itu bukanlah sebahagian daripada undang-undang Islam yang tulin, tetapi suatu perkara mengenai adat Melayu."

Dan di dalam petikan yang terkemudian:

"Memandangkan pengiktirafan yang jelas atas *harta sepencarian* dalam beberapa Negeri dan juga oleh Mahkamah-Mahkamah, maka saya bersedia memutuskan bahawa peraturan-peraturan yang menentukannya itu sekarang adalah membentuk sebahagian daripada undang-undang umum Negeri ini...."

Fakta-fakta kes itu akan dibincangkan kemudian, tetapi di peringkat ini saya akan berusaha menyatakan kedudukan *harta sepencarian* di dalam beberapa negeri di Malaya amnya dan di negeri Selangor khasnya.

Di negeri Perak, persoalan *harta sepencarian* telah diselesaikan melalui satu Minit Mesyuarat Majlis Perundangan Perak bertarikh 18hb Januari 1907, yang mengisytiharkan dan memerintahkan supaya dicatitkan:

"bahawa adat orang-orang Melayu Perak di dalam perkara membahagikan harta selepas bercerai, apabila harta sedemikian telah diperoleh oleh kedua-dua pihak atau salah satu daripadanya semasa mereka hidup berkahwin, maka hendaklah digunakan nisbah dua bahagian kepada lelaki dan satu bahagian kepada perempuan dan mengenai hadiah dan pemberian di antara orang yang berkahwin tidaklah boleh dibatalkan, baik semasa berkahwin mahupun selepas bercerai."

Kadhi-Kadhi dijemput hadir selaku penasihat atas perkara dasar apakala tuntutan terhadap harta sedemikian itu sedang diuruskan oleh mahkamah atau Pemungut Hasil Tanah sekiranya tanah itu didaftarkan dalam daftar Mukim.

Dalam perbicaraan *Teh Rasim* v. *Neman,*[2] telah diputuskan bahawa isteri seseorang Melayu yang diceraikan yang telah membantu mengusahakan tanah yang diperolehi oleh suami semasa mereka hidup berkahwin adalah berhak mendapat satu pertiga bahagian daripada nilai harga tanah itu, meskipun dibuktikan yang perempuan itu telah diceraikan kerana berzina. Dalam perbicaraan *Wan Mahatan* v. *Haji Abdul Samat,*[3] telah diputuskan bahawa bahagian isteri yang diceraikan itu sebanyak satu pertiga tidaklah akan

* Dialihbahasa dari [1966] 1 M.L.J. 163, oleh Encik Mohamed Nadzar Shariff, Guru Bahasa, Universiti Malaya.

hapus di dalam perceraian *tebus talak* melainkan sekiranya balasan untuk *tebus talak* itu ialah isteri tidak membuat tuntutannya terhadap *harta sepencarian*. Bahagian satu pertiga untuk perempuan yang diceraikan itu boleh ditambah menjadi separuh jikalau perempuan itu benar-benar telah membantu mengerjakan tanah itu. Demikianlah kata *Taylor* di dalam bukunya pada muka surat 55:

"... di kampung-kampung Sungai Perak terdapat suatu adat yang diikuti hampir-hampir tidak berubah, melalui adat ini apakala berlaku perceraian, maka harta yang diperoleh semasa berkahwin itu dibahagi antara kedua-dua pihak — pembahagian itu pula bergantung kepada keadaan dan diaturkan oleh kedua-dua keluarga dengan Ketua Kampung; jikalau perempuan itu benar-benar telah membantu mengerjakan tanah itu, beliau boleh menuntut separuh. Jikalau beliau tidak mengerjakan tanah itu, beliau menerima satu bahagian yang kecil — mungkin satu pertiga. Jikalau seseorang lelaki dari golongan ini mendapat gaji (umpamanya kakitangan kerajaan) dan harta itu dibeli hasil daripada gajinya, maka bahagian isteri satu pertiga."

Lihat dalam kes *Re Elang, Re Kulop Degor dan Lebar* v. *Niat*.[4] Bagaimanapun, dalam perbicaraan *Wan Mahatan* v. *Haji Abdul Samat*, seperti yang tersebut di atas, Kadhi Larut menyatakan bahawa apakala seseorang perempuan menganwini seseorang yang makan gaji dan dengan itu perempuan itu tidak perlu bekerja, maka harta yang didapati semasa tempoh mereka hidup berkahwin tidaklah merupakan perkongsian dengan perempuan itu tetapi adalah diberi kepada suami itu sahaja.

Di Kedah, telah diputuskan bahawa sekiranya berlaku pemansuhan ke atas suatu perkahwinan orang Melayu, harta yang diperoleh oleh kedua-dua suami dan isteri hendaklah dibahagi antara mereka, tetapi tidak ada peraturan yang kukuh atau prinsip bagi memandu mahkamah dalam memutuskan bahagian mereka masing-masing: *Wan Nab* v. *Jasin*.[5] Di dalam kes itu pihak merayu mendakwa suaminya, iaitu pihak menentang rayuan, atas bahagiannya mengenai pencarian mereka bersama semasa berkahwin hingga ke waktu mereka bergaduh lalu berpisah, kira-kira suatu tempoh selama tujuh tahun. Akan tetapi dalam perbicaraan *Habsah binti Mat* v. *Abdullah bin Jusoh*,[6] Hakim Callow memutuskan bahawa melalui undang-undang adat Melayu di Kedah, seseorang perempuan, pada waktu berlaku perceraian, berhak mendapat separuh bahagian atas mana-mana harta yang diperoleh melalui usaha bersama semasa tempoh mereka hidup berkahwin dan perkahwinannya yang terkemudian itu tidak pula menjadi halangan ke atas tuntutannya. Di dalam kes itu tuntutan dibuat oleh pihak yang menuntut, iaitu isteri, supaya dipindah milik setengah bahagian pada tanah yang didaftarkan atas nama pihak kenatuntut, iaitu suaminya. Kedua-dua pihak itu tidak mempunyai harta takalih pada waktu berkahwin, tetapi selepas daripada itu mereka memperolehi tanah yang tertentu. Pada muka surat 60 Hakim Callow memberikan pendapatnya:

"Terdapat keterangan bahawa pihak yang menuntut kelihatan bekerja dalam suatu tempoh di atas Tanah S.P.K. 4057 bersama dengan suaminya (pada ketika itu), iaitu pihak kenatuntut. Menurut hemat saya, apabila telah dipastikan yang harta itu diperoleh selepas berkahwin dan isteri itu kelihatan bekerja selepas itu, maka suatu anggapan timbul bahawa sewaktu berlaku perceraian maka harta itu tertakluk kepada syarikat. Ini boleh disangkal dengan keterangan yang menunjukkan bahawa tanah itu telah diperoleh hanya dengan usaha dan daya suami itu sendiri."

Di Kelantan, dalam kes *Hujah Lijah binti Jamal* v. *Fatimah binti Mat Diah*, seperti yang tersebut di atas, seorang balu menuntut setengah bahagian daripada tanah yang didaftarkan di dalam daftar Mukim atas nama suaminya yang telah meninggal, sebagai *harta sepencarian*. Telah dibuktikan bahawa sebelum perkahwinannya itu dia (balu itu) ada memiliki tanah yang tertentu. Suaminya tidak memiliki sebarang tanah. Kedua-dua teman hidup itu mengerjakan dan mengusahakan tanah perempuan itu dan dari pendapatan daripada tanah itu mereka membeli tanah lagi dan sekali lagi tanah itu diusahakan oleh mereka berdua. Hakim Briggs memberikan balu itu setengah bahagian daripada tanah itu sebagai *harta sepencarian*.

Di Pahang, *harta sepencarian* ditetapkan oleh adat Pahang. Seseorang isteri yang diceraikan boleh menuntut *harta sepencarian* tetapi tidak terdapat peraturan tetap mengenai berapa banyak bahagiannya. Akan tetapi nampaknya isteri tercerai itu boleh menerima bahagian sama ada sama banyak ataupun tidak sama banyak menurut perjanjian antara pihak-pihak yang terlibat atau diakui sebagai hadiah atau dengan keputusan Kadhi.

Di Selangor, tidak ada kes-kes yang dilaporkan mengenai bahagian seseorang isteri yang diceraikan di dalam *harta sepencarian*. Dalam kes *Laton* v. *Ramah*,[7] atas keterangan Kadhi, hakim pembicaraan itu membenarkan seorang janda menuntut satu bahagian di dalam harta arwah suaminya pada waktu kematiannya, akan tetapi Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keterangan Kadhi itu tidak boleh diterima. Hakim Thorne, semasa menyatakan keputusan mahkamah telah berkata pada muka surat 129:

"Persoalan yang dibahaskan pada hemat saya bukanlah satu persoalan mengenai undang-undang asing, tetapi persoalan itu adalah, di dalam peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, apakah hak pihak menuntut, menurut undang-undang negeri ini di dalam harta arwah suaminya. Undang-undang setempat adalah perkara yang mesti Mahkamah berikan pengiktirafan kehakiman. Mahkamah mestilah menyatakan undang-undang itu, dan Mahkamah tidaklah boleh membenarkan keterangan diberi untuk mengatakan apa dia undang-undang tempatan."

Suatu pembicaraan semula telah diperintahkan, tetapi akhirnya pihak-pihak terlibat bersetuju membuat penyelesaian dan suatu perintah persetujuan-bersama telah dibuat. *Taylor* menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan membawa kepada lulusnya Enakmen (Penentuan) Undang-Undang Islam dan Adat Melayu tahun 1930. Pada muka surat 12 di dalam bukunya beliau menerangkan:

"Kes ini patut diberi perhatian kerana walaupan sesuai dengan amalan tetap Mahkamah Tinggi, keterangan lisan mengenai undang-undang itu atau adat yang dapat digunakan telah diberikan oleh Kadhi di dalam pembicaraan itu tanpa bantahan, akan tetapi telah diputuskan atas rayuan bahawa keterangan ini tidak boleh diterima secara sah. Keputusan ini menyebabkan isu undang-undang Islam yang dipertikaikan itu menjadi buntu kerana tidak ada hakim atau pemungut hasil tanah yang boleh mengambil tanggungjawab memutuskan persoalan yang sukar difahami itu tanpa bantuan dan oleh kerana beliau dihalang daripada mengambil keterangan maka tidaklah ada apa-apa cara pun yang mungkin boleh membantunya. Keadaan ini secara langsung telah membawa kepada lulusnya Enakmen (Penentuan) Undang-Undang Islam 1930 yang membolehkan mana-mana hakim atau pemungut hasil tanah di hadapan sesiapa suatu soalan mengenai undang-undang Islam atau adat Melayu timbul, menuliskan suatu penyata mengenai fakta-fakta di dalam kes itu, lalu menghantarkan soalan tadi kepada Raja negeri dalam Majlis untuk mendapatkan keputusan."

Dalam tahun 1935, kes *Re Noorijah, si mati,*[8] telahpun diputuskan. Di dalam kes itu si mati adalah isteri kepada seorang kakitangan kerajaan. Wanita itu meninggalkan sebelas lot tanah yang terdaftar di Mukim dan didaftarkan atas namanya sendiri. Suaminya membuat permohonan supaya tanah itu dibahagikan. Telah dibuktikan bahawa tanah-tanah itu telah diperoleh melalui pencarian suami itu sendiri tetapi telah didaftarkan atas nama isterinya kerana peraturan kerajaan melarang suami itu memiliki tanah. Apakala perkara itu dirujukkan kepada Raja Negeri Selangor di dalam Majlis, di bawah Enakmen (Penentuan) Undang-Undang Islam dan Adat Melayu tahun 1930, maka telah diisytiharkan bahawa sekiranya terdapat keterangan yang cukup menunjukkan bahawa tanah-tanah itu bukanlah hadiah kepada isteri si mati, maka hendaklah diputuskan bahawa tanah itu adalah kepunyaan suami dan tanah-tanah itu tidaklah boleh dianggap sebagai harta pesaka si mati. Mahkamah telahpun memutuskan sedemikian itu dan suami tadi telah diberi seluruh harta itu.

Enakmen tahun 1930 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam tahun 1952. Nampaknya bahawa seseorang suami atau isteri yang telah diceraikan boleh menuntut satu bahagian daripada *harta sepencarian* mengikut seksyen 45 seksyen kecil (3), dengan mana sesebuah mahkamah Kadhi Besar boleh mendengar dan memutuskan mana-mana bahagian daripada atau tuntutan ke atas *harta sepencarian.* Bagaimanapun, di bawah seksyen kecil (6) seksyen itu, Mahkamah Tinggi, tanpa mengambil kira akan peruntukan Enakmen ini, mempunyai bidang kuasa mendengar dan menentukan keputusan tuntutan sedemikian.

Satu prinsip yang dikutip daripada kes-kes itu menetapkan bahawa *harta sepencarian* merupakan perkara mengenai Adat Melayu dan hanya boleh digunakan kepada kes suami atau isteri yang diceraikan yang menuntut terhadap isteri atau suaminya di sepanjang waktu mereka hidup bersama; peraturan undang-undang ini adalah undang-undang tempatan yang mesti diberi pengiktirafan kehakiman oleh mahkamah dan ini adalah tugas mahkamah menentukannya: Lihat *Ramah* v. *Laton,* seperti yang tersebut di atas. Memandang kepada kes-kes yang mengikat tersebut, saya berpendapat bahawa apakala dapat ditentukan dengan jelasnya bahawa harta itu diperoleh selepas perkahwinan hasil daya mereka bersama atau melalui usaha mereka bersama suatu anggapan telah timbul bahawa harta itu adalah *harta sepencarian.* Anggapan itu boleh disangkal umpamanya dengan keterangan bahawa harta itu telah diperoleh hanya melalui usaha atau daya suami sahaja atau dengan keterangan bahawa harta itu merupakan suatu hadiah yang diberikan kepada isteri. Berhubung dengan pembahagian *harta sepencarian* bolehlah saya mengatakan bahawa secara am di seluruh negeri di Malaya, seseorang suami atau isteri yang diceraikan adalah berhak mendapat bahagian. Bahagian bagi wanita Perak ditetapkan satu pertiga menurut Minit Majlis Mesyuarat Negeri tahun 1907. Di negeri-negeri lain kecenderungan umum adalah setengah bahagian bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu di dalam kes itu.

Sekarang saya sampai pula kepada fakta-fakta yang sejauh mana tidak dinafikan adalah seperti berikut. Pihak menuntut adalah bekas kakitangan kerajaan yang sekarang ini menjalankan perniagaan sendiri sebagai Chartered Akauntan di Kuala Lumpur. Beliau telah menjawat beberapa jawatan kerajaan sebagai seorang Akauntan, meningkat ke jawatan Akauntan Negara, Malaya. Dalam tahun 1951, beliau memeluk ugama Islam dan berkahwin dengan pihak kenatuntut di Kuala Lumpur menurut upacara Islam. Telah menjadi kebiasaan bahawa apakala seorang lelaki mengahwini seseorang wanita, dia menganggap ibubapa isterinya itu adalah ibubapanya sendiri dan mereka menjadi ibubapa mertua; oleh itu dia menjadi sebahagian daripada keluarga isterinya. Pihak menuntut juga tidak terkecuali. Dia juga menjadi sebahagian daripada keluarga isterinya. Dia membantu mereka menyelesaikan kedudukan harta arwah bapa isterinya dari mana pihak kenatuntut sebagai penerima faedah telah menerima sekeping tanah di Gombak dan satu pertujuh bahagian sebuah kedai di Batu Road. Dia membiayai pelajaran adik iparnya yang perempuan di seberang laut. Dia juga menjadi penasihat kewangan isterinya. Seperti pegawai dagang kerajaan yang lain-lain di dalam negeri ini, beliau juga terjejas oleh rancangan Malayanisasi. Memikirkan hari depan, maka pada akhir tahun 1956, dia mengambil keputusan menetap di negara ini dan akibatnya persoalan membeli rumah telah timbul. Mereka berjaya merundingkan pembelian sebuah rumah (selepas ini dirujuk sebagai harta itu) di Setapak, Kuala Lumpur, dengan harga $50,000. Dipendekkan cerita, pihak menuntut mengeluarkan $40,000, pihak kenatuntut pula mengeluarkan $10,000 untuk membeli harta itu. Jual beli itu selesai dalam bulan Mac 1957 dan harta itupun telah didaftarkan atas nama pihak kenatuntut. Mereka tinggal di rumah itu hingga bulan Februari 1962 dan selepas tarikh itu rumah itu disewakan oleh mereka dengan sewaan $600 sebulan, selama tiga tahun bermula pada 1hb Mac 1962. Telah dipersetujui bahawa hasil daripada sewa rumah itu hendaklah digunakan oleh pihak kenatuntut untuk membayar bil-bil perbelanjaan rumahtangga. Bukanlah tujuannya bahawa kesemua wang sewa rumah itu dibolot oleh pihak kenatuntut sahaja. Dalam tahun 1960 kedua-duanya iaitu pihak menuntut dan pihak kenatuntut pergi bercuti di Eropah dan oleh sebab pihak menuntut berangkat lebih awal, dia membuka satu akaun bank atas nama pihak kenatuntut dan memasukkan $1,000 dengan tujuan memudahkan pembayaran bil-bil pada masa pihak menuntut berada di seberang laut. Telah juga dipersetujui bahawa sewa daripada rumah itu hendaklah dimasukkan ke dalam akaun itu. Tanpa menyebut segalanya secara terperinci, dalam bulan September 1963 mereka pun bercerai melalui Kadhi Kuala Lumpur menurut upacara Islam. Butir-butir kewangan dibincangkan dan dipersetujui bahawa pihak menuntut hendaklah membayar $500 sebulan dalam masa eddah 100 hari. Juga dipersetujui bahawa dia hendaklah membayar sebanyak $150 sebulan untuk menyara perbelanjaan anak angkat perempuan mereka. Selanjutnya dipersetujui juga bahawa dia hendaklah membayar sebanyak $5,700 sebagai muta'ah. Berhubung dengan harta yang dipersoalkan itu, pihak menuntut telah mencadangkan bahawa kedua-duanya, iaitu dia dan pihak kenatuntut hendaklah mendapat bahagian yang sama banyak. Oleh kerana hal itu

tidak dipersetujui, pihak-pihak yang terlibat datang ke mahkamah ini untuk menentukan dan memutuskan isu itu.

Pihak menuntut telah mendesak saya bahawa pada waktu membeli harta yang dikatakan itu bukanlah dia bertujuan menjadikan harta itu suatu hadiah kepada pihak kenatuntut. Dengan menggunakan perkataannya sendiri:

"Pada waktu itu saya adalah pegawai kerajaan dan bukan rakyat Persekutuan dan Perintah Am yang meliputi pegawai kerajaan adalah terlalu keras atas perkara memiliki tanah. Ketika itu tiada waktu untuk memohon kebenaran. Oleh itu kerana pihak kenatuntut rakyat Malaya adalah lebih cepat diuruskan atas namanya. Tidaklah sekali-kali bertujuan sebagai hadiah kepada pihak kenatuntut."

Pendeknya, adalah dikatakan bahawa harta itu telah didaftarkan atas nama pihak kenatuntut adalah semata-mata untuk tujuan memudahkan urusan.

Pihak kenatuntut menghujjahkan bahawa pemindahan itu adalah hadiah. Di bawah undang-undang Islam seseorang lelaki boleh menjadikan hartanya itu suatu pemberian secara sah sewaktu hidupnya dengan syarat tiga syarat berikut dipenuhkan

(1) Penzahiran keinginan memberi bagi pihak memberi;

(2) Penerimaan dari pihak penerima, sama ada tersirat atau ternyata;

(3) Pengambilan milik mengenai perkara hadiah oleh pihak penerima sama ada secara sebenarnya atau secara yang boleh dianggapkan (lihat Outlines of Muhammadan Law oleh *Fyzee,* muka surat 187; Principles of Muhammadan Law oleh *Mulla,* Edisi ke 15, pada muka surat 130).

Apakala sesuatu hadiah telah ditetapkan ia tidaklah boleh diambil balik baik semasa perkahwinan mahupun selepas bercerai. Telah dihujjahkan bahawa keadaan keliling dengan jelas menunjukkan bahawa hadiah telah diniatkan. Pertamanya, telah dihujjahkan bahawa harta tersebut didaftarkan atas nama pihak kenatuntut itu. Oleh kerana hujjah ini berkait rapat dengan bahagian kedua pembelaannya, saya akan memperkatakannya dalam perenggan yang terkemudian. Kedua, telah disebut bahawa apabila timbul persoalan mengenai pembelian rumah bersama oleh ahli-ahli keluarga pihak kenatuntut, pihak menuntut telah menasihatinya jangan turut serta di dalam usaha bersama itu kerana menurut kata pihak kenatuntut pihak menuntut hendak membelikannya sendiri sebuah rumah. Keadaan itu mungkin begitu, tetapi pada pandangan saya tujuan sebenarnya tidak menggalakkan pihak kenatuntut daripada turut serta dalam rancangan itu adalah kerana pihak menuntut telah menasihatinya melaburkan wangnya di Gilchrist War Stock di London. Ketiga, telah dihujjahkan bahawa tuntutan yang terlewat berhubung dengan harta itu tidaklah dibuat sehingga tahun 1963. Dan akhirnya, telah dihujjahkan bahawa kalaulah benar bahawa harta yang dikatakan itu tidak dibeli sebagai hadiah untuk pihak kenatuntut, maka pihak menuntut tentulah tidak mengalami sebarang kesulitan mendapatkan kebenaran kerajaan, baik sebelum mahupun sesudah membelinya, supaya harta yang dikatakan itu boleh didaftarkan semula atas namanya. Pada fikiran saya, kedua-dua alasan itu diambil berasingan mungkin boleh dipertahankan, tetapi setelah menimbangkan kesemua fakta, sejauh yang kelihatan, tidaklah terdapat apa-apa keraguan dalam fikiran saya mengenai keputusan yang sedang hendak saya berikan.

Dalam keputusan saya, harta yang dikatakan itu telah diperoleh melalui daya bersama pihak-pihak terlibat dan oleh itu saya memutuskan bahawa ia adalah *harta sepencarian.* Saya juga berpuashati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak kenatuntut setakat keterangan itu terdapat telah gagal mempastikan sepenuhnya penzahiran yang tidak menyangsikan oleh pihak menuntut mengenai niat menjadikan harta tersebut itu hadiah kepada pihak kenatuntut. Oleh kerana saya telah membuat keputusan ini, maka saya berasa ragu-ragu hendak menimbangkan dua syarat lain mengenai hadiah.

Perkara itu tidaklah terhenti di sini. Telah dihujjahkan dengan begitu hebatnya ke atas saya, sebagai bahagian kedua hujjah pihak kenatuntut bahawa oleh kerana harta tersebut telah didaftarkan atas nama pihak kenatuntut, maka hakmiliknya itu tidaklah-boleh-dihilangkan oleh kerana seksyen 42 Kanun Tanah (Bab 138). Sayugia diingati, dalam *Re Noorijah, si mati,* seperti yang tersebut, pentadbir harta si mati mungkin boleh menentang tuntutan suami atas alasan tidak-boleh-hilangnya hak milik di bawah seksyen 42 Kanun Tanah (Bab 138). Harus disangkakan bahawa mahkamah memang sedar akan peruntukan undang-undang itu. Sekiranya begitu, nyatalah ahli waris si mati itu mungkin boleh mendapat bahagian mereka dari harta itu. Sekali lagi, dalam kes *Habsah binti Mat* v. *Abdullah,* seperti tersebut, nyatalah bahawa suami itu boleh dengan cara yang sama menentang tuntutan isteri dengan menyeru tidak-boleh-hilangnya hak-milik di bawah seksyen 43 Enakmen Tanah Kedah (No. 56). Kalaulah dia mengambil arah itu mungkinlah isteri pihak menuntut telah kalah dalam tuntutannya terhadap setengah bahagian di dalam tanah itu sebagai *harta sepencarian.* Sekali lagi saya mesti menganggap bahawa mahkamah telah mengambil perhatian mengenai seksyen 43 Enakmen Tanah. Dalam kes *Hujah Lijah binti Jamal* v. *Fatimah binti Diah,* seperti tersebut, sekiranya harta si mati telah menentang tuntutan janda pihak menuntut dengan mengambil kesempatan mengenai tidak-boleh-hilangnya peruntukan hakmilik di bawah seksyen 37 Enakmen Tanah Kelantan, 1938, maka pihak menuntut mungkin akan kalah dalam tuntutannya terhadap setengah bahagian dalam harta suaminya sebagai *harta sepencarian.* Persoalannya timbul mengapa di dalam ketiga-tiga kes itu peruntukan Enakmen Tanah berhubung dengan tidak-boleh-hilangnya hak-milik tidak pernah disebutkan. Pada fikiran saya jawapannya jelas. Adalah boleh didapati daripada ketiga-tiga keputusan itu bahawa peruntukan Enakmen Tanah berhubung dengan tidak-boleh-hilangnya hak-milik adalah tidak menyentuh kepada perkara-perkara yang ada hubungannya dengan *harta sepencarian.* Oleh yang demikian itu, hujjah peguam tidak boleh diterima.

Kembali semula kepada tuntutan pihak menuntut, adalah perlu ditentukan bagaimana pembahagian dibuat antara pihak menuntut dengan pihak kenatuntut. Walaupun mahkamah mempunyai kuasa merujukkan perkara-perkara sedemikian kepada Majlis di bawah

seksyen 41 seksyen-kechil (4) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952, akan tetapi saya bersedia, memandangkan keadaan kes ini, memberi bahagian yang sama kepada setiap pihak sekiranya mereka bersetuju.

Di dalam keadaan itu, adalah bagi kebaikan kedua-dua pihak, harta yang tersebut itu dijual di bawah pengawasan mahkamah dan hasil penjualan bersih dibahagi samarata di antara mereka. Saya juga memerintahkan supaya pihak kenatuntut membayar 50 peratus kepada pihak menuntut daripada jumlah sewa yang diterima oleh pihak kenatuntut berkait dengan harta tersebut dari tarikh perceraian itu hingga tarikh penjualan.

Berhubung dengan tuntutan-balas, pihak kenatuntut adalah membuat tuntutan —

(1) baki $900 berkait dengan eddah. Adalah diakui bahawa sejumlah $600 telah dibayar. Pihak menuntut menghujjahkan bahawa pihak kenatuntut telah menerima $1,800 berkaitan dengan sewa tiga bulan iaitu $600 sebulan. Oleh kerana wang itu mesti dibahagi samarata, pihak kenatuntut adalah dianggap menerima $900 sebagai bahagiannya. Saya tidak dapat menerima hujjah ini. Pada pandangan saya, tarikh yang penting ialah tarikh perceraian. Wang yang didapati daripada sewa itu telah digunakan untuk perbelanjaan rumahtangga dan tidak boleh dikatakan terdapat penentuan berapa banyakkah setiap pihak dibenarkan menerima di bawah perkara itu. Saya akan membenarkan tuntutan ini;

(2) wang sejumlah $5,700 sebagai muta'ah. Ini diakui oleh pihak menuntut dan saya membenarkan tuntutan itu.

Berkait dengan kos, setiap pihak akan menanggung kos mereka masing-masing.

Saya telah diminta oleh peguam bagi pihak kenatuntut menangguhkan isu berhubung dengan pembahagian mengenai harta itu supaya membolehkannya menerima arahan daripada anak guamannya. Oleh itu saya menangguhkan kes ini hingga 29hb November 1965.

Raja Azlan Shah H. (pada 29hb. November): Sekarang telah diberitahu oleh kedua-dua peguam bahawa setiap pihak bersetuju menerima setengah bahagian dalam perkara yang menjadi pertikaian dalam kes ini, maka saya memerintahkan diperbuatlah sedemikian.

Perintah berikutan.

Peguamcara: *Braddell & Ramani; Ariffin & Ooi.*

PERKARA HARTA PUSAKA SHAIKH MOHAMED BIN ABDUL RAHMAN BIN HAZIM*

[Mahkamah Tinggi (Chang Min Tat H.) April 25, 1974]
[Pulau Pinang — Saman Permulaan, Bil. 33 Tahun 1972]

Undang-Undang Islam — Perkahwinan — Pengesahan — Tidak mematuhi peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1959, ss. 114, 115 dan 116.

Di dalam kes ini si pemohon telah memohon bahawa ia adalah suami kepada seorang yang dinama sebagai berhak menerima faedah di dalam wasiat si mati, dan juga sebagai orang yang berkepentingan di dalam pentadbiran harta-pusaka itu. Pihak menentang, iaitu wasi dan pemegang amanah harta-pusaka itu menentang permohonan itu dan pihak menentang pertama menafikan bahawa si pemohon adalah suami yang sah kepada orang yang di nama sebagai berhak menerima faedah.

Diputuskan: (1) atas fakta-fakta kes ini isteri si pemohon yang telah meninggal, iaitu Hanifah binti Abdul Aziz alias Aminah binti Abdul Aziz adalah satu dan orang yang sama dengan Hanifah binti Shaikh Abdul Aziz, iaitu yang berhak menerima faedah dalam fasal 4(c)(ii) wasiat si mati;

(2) meskipun syarat-syarat seksyen 114, 115 dan 116 dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam telah tidak dipatuhi dalam kes ini, perkahwinan itu sah, oleh kerana pihak menentang telah gagal menyangkal anggapan yang menyokong pengesahan perkahwinan itu.

Kes rujukan:-

(1) *Bowler* v. *John Mowlem & Co.* [1954] 1 W.L.R. 1445, C.A.

SAMAN PERMULAAN.

A. Muttiah bagi pihak pemohon.

B.S.S. Kanda bagi pihak menentang pertama.

K. Ahmad bagi pihak menentang kedua.

Chang Min Tat H.: Ini suatu permohonan melalui saman permulaan yang dibuat oleh suami kepada seorang yang dinamakan sebagai berhak menerima faedah di dalam suatu wasiat, sebagai seorang yang berkepentingan atas kematian isterinya mengenai keputusan yang diminta untuk (a) pentadbiran harta-pusaka, dengan segala akaun yang perlu dan sempurna, arahan-arahan dan siasatan-siasatan, (b) kos dan (c) keputusan selanjutnya atau selainnya.

Pihak-pihak menentang terdiri daripada wasi-wasi dan pemegang-pemegang amanah harta-pusaka itu. Pihak menentang pertama menafikan, di dalam affidavitnya, bahawa si pemohon adalah suami yang sah kepada orang yang dinamakan sebagai berhak menerima faedah dan bahawa jikalau pun yang berhak menerima faedah sebenarnya telah mengahwini si pemohon, perkahwinan itu adalah haram dan terbatal dan tidak mempunyai apa-apa kesan kerana melanggar peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkahwinan Islam. Pihak menentang kedua itu sendiri pula menghujjah dengan hanya mengatakan bahawa dia tidak tahu siapakah si pemohon itu dan bahawa dia juga tidak tahu sama ada dia (si pemohon) telah berkahwin secara sah dengan yang berhak menerima faedah.

Orang yang berhak menerima faedah, sepertimana di dalam wasiat itu, ialah Hanifah bt. Shaik Abdul

---

* Dialihbahasa dari [1974] 1 M.L.J. 184 oleh Encik Mohamed Nadzar Shariff, Guru Bahasa, Universiti Malaya.